

Peluang gaji diri

■ 200 graduan UKM dipelawa ceburi perniagaan melalui program Budding-Puma

Siti Fatimah Nasir
am@hmetro.com.my

Bangi

Bagi menggalakkan lebih ramai usahawan muda menceburi bidang keusahawanan dan peruncitan, seramai 200 graduan dari pelbagai fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipelawa mengikuti program Budding Puma yang dianjurkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), semalam.

Program yang baru diperkenalkan PUNB sejak dua bulan lalu memberi peluang

kepada usahawan muda menceburi bidang perniagaan sambil belajar dengan menawarkan pembiayaan daripada RM1,000 hingga RM10,000 kepada golongan Bumiputera.

Pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sejarah) UKM, Muhamad Arif Abd Latif, 23, berkata, dia mula berkecimpung dalam bidang perniagaan minyak kelapa dara sejak Februari lalu dan mahu mengembangkan perniagaannya selepas tamat belajar kelak.

"Memang sukar untuk saya menjalankan perniagaan ketika belajar disebabkan kekurangan sokongan kewa-

100 anak yatim dibawa tonton Jibam

Petaling Jaya: "Ini kali pertama saya berpeluang menonton wayang kerana tidak mampu," kata Nur Khairunnisa Abdullah, 16, seorang daripada 100 orang anak yatim dari beberapa pusat jagaan diraikan dengan dibawa menonton filem Jibam yang dianjurkan Pertubuhan Ikatan kekeluargaan Rumpun Nusantara (IARUM) di sini, semalam.



HARIAN METRO
foto: SAIFULIZAN JAMALI



ABDUL Jammi (tengah) bersama sebahagian penuntut UKM pada Majlis Pelancaran Program Budding-Puma UKM bersama PUNB, semalam.

ngan untuk membeli produk serta bahan membuat minyak kelapa ini.

"Dengan adanya bantuan yang disediakan PUNB, ia dapat memudahkan usaha-

wan muda mendapatkan bantuan pembiayaan dalam masa singkat untuk membeli bahan serta mengembangkan perniagaan mereka pada masa akan datang," katanya

ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Program Budding-Puma UKM bersama PUNB di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Pusat Pembangunan Usahawan

Industri Kecil dan Sederhana (UKM-CESMED) Prof Datin Dr Shamsubaridah Ramlee serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PUNB Abdul Jammi Abdul Karim.